RINGGIT

EDISI JULAI 2016

RAKAN KEWANGAN ANDA



Seminar Pembiayaan PKS Percuma untuk Peningkatan Keupayaan PKS



Apa Yang Anda Perlu Tahu Untuk Menjadi Pengguna Kewangan Yang Bijak (Bhg 2)



Kebaikan dan Kelemahan Pembelian Secara Dalam Talian



Kos Melanjutkan Pelajaran di Universiti Semakin Mahal

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kos Melanjutkan Pelajaran di Universiti Semakin Mahal



"Hal ini menunjukkan pentingnya ibu bapa memulakan perancangan kewangan lebih awal untuk tujuan pembiayaan pendidikan anak-anak mereka ..."

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh HSBC, lebih daripada 50% ibu bapa di Malaysia bersedia untuk menanggung hutang bagi membiayai pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, 80% daripada mereka membiayai pendidikan anak-anak daripada pendapatan harian. Secara keseluruhan, 92% ibu bapa membiayai pendidikan anak-anak mereka dan bersedia berkorban serta menanggung risiko jaminan kewangan berbanding 60% di peringkat global.

Kajian tersebut mendapati, ibu bapa di Malaysia membelanjakan kira-kira 14% lebih tinggi atau AS$8,720 (RM35,142) setiap tahun untuk pendidikan universiti anak-anak berbanding kadar purata global AS$7,631 (RM30,753).

Hal ini menunjukkan pentingnya ibu bapa memulakan perancangan kewangan lebih awal untuk tujuan pembiayaan pendidikan anak-anak mereka, berikutan keadaan global yang tidak menentu.

Berikut merupakan antara tip untuk persediaan kewangan bagi pembiayaan pendidikan anak anda:-

1) Mulakan tabungan semenjak anak anda berusia 1 tahun secara konsisten.

2) Tetapkan matlamat kewangan yang ingin anda capai. Contohnya, anda meletakkan matlamat simpanan RM200 sebulan dalam tempoh 15 tahun dan simpanan anda berjumlah RM36,000.

3) Anda boleh berbincang dengan pihak bank atau syarikat dana amanah yang menyediakan khidmat nasihat berkenaan matlamat pendidikan anak anda.

4) Bagi keluarga yang mempunyai ramai anak, anda boleh memulakan simpanan mengikut kemampuan anda. Contohnya, memulakan simpanan bulanan sebanyak RM50.



5) Jika anda menerima bonus, anda boleh menggunakannya untuk menambah simpanan pendidikan anak anda.

6) Libatkan anak anda dalam aktiviti tabungan. Contohnya, galakkan anak anda menabung daripada baki wang saku yang diberi atau pemberian wang raya yang diterima.

7) Sering berkomunikasi dengan anak anda, apakah impian dan minat mereka dalam bidang pendidikan. Mungkin sebahagian daripada anak anda cenderung ke arah akademik dan mungkin juga ada yang mempunyai bakat dalam kemahiran lain.

8) Buat simpanan akaun berasingan yang khusus untuk pendidikan anak anda.

9) Tidak salah sekiranya anak anda menunjukkan minat untuk berniaga bagi menampung tabungan untuk pendidikan mereka. Walau bagaimanapun, anda harus memantau aktiviti anak anda.

10) Paling penting ialah mengutamakan keperluan berbanding kehendak. Didik anak anda dengan sikap ini agar anak anda bijak menentukan kewangan mereka kelak.

Sumber: FOMCA

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

KENALI PERBANKAN ISLAM ANDA

PEMBIAYAAN PERUMAHAN

Isu kali ini akan menerangkan 3 senario berbeza yang mungkin dialami oleh pembeli rumah. Kesan senario tersebut bergantung kepada jenis kontrak yang dimeterai antara pembeli rumah dan pihak bank.

Kontrak Jual Beli	Kontrak Perkongsian

Senario 1: Pelanggan Membuat Penyelesaian Awal

Pelanggan layak menerima Ibra' (rebat) tanpa dikenakan caj penalti.

Jumlah bayaran yang perlu dilunaskan
= Baki harga jualan rumah - ibra' yang diberikan bank

Pelanggan mesti membeli keseluruhan bahagian pemilikan bank

Pelanggan tidak lagi perlu membayar sewa kepada pihak bank

Senario 2: Keinginan Pelanggan Membayar Pembiayaan Selepas Rumah Siap Dibina

Jika pembeli rumah gagal membayar pembiayaan seperti yang telah dijanjikan, bank akan mengambil tindakan berikut:

Bank menjual / melelong rumah

Hasil jualan digunakan bagi menampung pembiayaan yang tertunggak

Lebihan — *Pembeli rumah menerima keuntungan dari lebihan hasil jualan*

Kekurangan

Pelanggan perlu mengeluarkan wang sendiri bagi melangsaikan baki pembiayaan, sekiranya masih ada.

Jika pembeli rumah gagal membayar pembiayaan seperti yang telah dijanjikan, bank akan mengambil tindakan berikut:

Bank menjual / melelong rumah

Hasil jualan digunakan bagi membayar sewa dan membeli bahagian pemilikan bank yang tertunggak

Lebihan — *Bank dan pembeli rumah berkongsi keuntungan dari lebihan hasil jualan*

Kekurangan

Pelanggan perlu mengeluarkan wang sendiri bagi melangsaikan baki pembiayaan, sekiranya masih ada.

Senario 3: Projek Perumahan Terbengkalai

Antara pilihan cara penyelesaian yang boleh dilaksanakan:

1) Pelanggan mengambil alih pemilikan rumah dalam keadaan seadanya dan membayar harga jualan mengikut tahap pembinaan.
2) Pelanggan menamatkan kontrak tanpa mengambil alih pemilikan rumah. Bayaran yang telah diterima oleh pihak bank akan dipulangkan semula kepada pelanggan. Pemilikan rumah kekal dengan pihak bank.
3) Bank dan pelanggan bersetuju dengan lain-lain terma (contoh: pelanjutan tarikh rumah siap dibina, sekiranya ada).

Bank dan pelanggan berkongsi kerugian berdasarkan nisbah perkongsian modal semasa:

1) Bank tidak boleh memaksa pelanggan untuk membeli bahagian pemilikan bank sekiranya pemaju gagal menyiapkan rumah dalam tempoh yang ditetapkan.
2) Bank tidak boleh memindahkan keseluruhan kerugian kepada pelanggan dengan menjual rumah terbengkalai kepada pelanggan.

Nota: Pelaksanaan sebenar ketiga-tiga senario ini mungkin mengikut amalan setiap bank tetapi tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.



Seminar mengenai Pembiayaan PKS untuk Peningkatan Keupayaan PKS

Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa mempertingkatkan usaha dalam memastikan PKS yang berdaya maju berupaya memperoleh akses kepada pembiayaan bagi menjalankan perniagaan. Salah satu program yang telah dilaksanakan pada tahun ini ialah **'*Train-The-Trainers (TTT)*' mengenai Pembiayaan PKS**. Program ini dijalankan untuk mengatasi isu jurang maklumat yang diketengahkan dalam Bengkel Pembiayaan PKS yang dianjurkan oleh BNM dan telah disertai oleh wakil-wakil dari industri kewangan, kementerian serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan juga persatuan-persatuan perniagaan. Program TTT ini adalah antara langkah yang diambil untuk membantu meningkatkan tahap kesedaran PKS mengenai pelbagai inisiatif dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dan agensi berkaitan untuk memudahkan PKS membangunkan perniagaan mereka.

Program ini merupakan hasil kerjasama erat antara BNM dengan persatuan-persatuan institusi kewangan[1] yang diterajui oleh Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia *(The Association of Banks in Malaysia)* dan SME Corporation Malaysia (SME Corp) serta disokong oleh *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Biro Kredit Malaysia.

1 *Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (ADFIM)*

Inisiatif terbaru Bank Negara Malaysia

Program '*Train-The-Trainers (TTT)*' mengenai pembiayaan PKS telah dilaksanakan melalui kerjasama dengan persatuan-persatuan institusi kewangan dan SME Corp serta sokongan beberapa institusi seperti CGC, AKPK dan Biro Kredit Malaysia.

Objektif Program TTT

1. Meningkatkan kesedaran PKS berkaitan:
   - Pelbagai produk pembiayaan dan saluran khidmat nasihat serta bantuan penyelesaian;
   - Proses permohonan dan keperluan pembiayaan; dan
   - Program pembangunan dan kapasiti.
2. Menambah baik peluang PKS dalam mendapatkan pembiayaan melalui peningkatan keupayaan serta kepercayaan kredit.

Topik-topik dalam program Seminar Pembiayaan PKS

Fokus Topik

1 Gambaran Keseluruhan Landskap Pembiayaan & Inisiatif untuk PKS	• Ekosistem dan Landskap Pembiayaan PKS di Malaysia • Perkhidmatan Kewangan Digital dan E-Pembayaran untuk PKS • Perkhidmatan Kiriman Wang untuk PKS di Malaysia
2 Pembiayaan Perbankan PKS	• Konsep Menjalankan Perniagaan • Keperluan Permohonan Pembiayaan • Gambaran Keseluruhan Pembiayaan Islam
3 Khidmat Nasihat dan Bantuan Penyelesaian	• Mekanisme Penyelesaian dan Aduan • Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil • Program Pengurusan Kredit AKPK
4 Bantuan dan Sokongan lain yang disediakan untuk PKS	• Peranan CGC dalam membantu PKS • Peranan dan Perkhidmatan Biro Kredit Malaysia • Program dan bantuan untuk PKS oleh SME Corp > Khidmat nasihat dan program peningkatan kapasiti > Sumber dana untuk PKS

Program TTT dijangka akan memberi manfaat serta meningkatkan kesedaran PKS berkaitan pelbagai sumber pembiayaan dan kefahaman mengenai syarat-syarat serta proses permohonan pembiayaan. Ini akan memudahkan PKS untuk membuat pilihan produk pembiayaan yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan serta peluang untuk mendapatkan pembiayaan dan khidmat nasihat. Di samping itu, keupayaan PKS akan dapat dipertingkatkan, terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan, strategi perniagaan dan pengurusan operasi. Melalui inisiatif ini juga, kualiti pelanggan PKS dan portfolio pembiayaan institusi kewangan dijangka diperkukuhkan ke tahap yang lebih baik.



Di bawah program TTT, sebanyak **22 program Seminar Pembiayaan PKS anjuran SME Corp akan diadakan di seluruh negara** pada tahun ini dan penyertaan untuk program seminar adalah **percuma**. Para usahawan digalakkan menyertai seminar tersebut bagi menambah pengetahuan dalam pengurusan kewangan dan operasi perniagaan.

Melalui beberapa program seminar yang telah dijalankan setakat ini, para peserta PKS telah memberikan maklum balas yang positif ke atas inisiatif ini kerana modul latihan dan perkongsian maklumat yang diberikan semasa program taklimat adalah sangat berguna dan berkait rapat dengan keperluan perniagaan PKS.

Untuk maklumat berkaitan **Seminar Pembiayaan PKS**, sila hubungi pusat khidmat nasihat SME Corp iaitu ***One Referral Centre*** **(ORC)** di talian bebas tol: **1-300-30-6000** atau emel: **info@smecorp.gov.my**.

PKS yang berminat untuk menghadiri Seminar Pembiayaan PKS di lokasi yang berdekatan, sila hubungi SME Corporation Malaysia untuk maklumat lanjut:

ORC ONE REFERRAL CENTRE
Your Business Meeting Point

Hubungi : 1-300-30-6000
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman web: www.smecorp.gov.my
www.smeinfo.com.my

Disediakan oleh: Jabatan Kewangan Pembangunan dan Enterpris, Bank Negara Malaysia

Apa Yang Anda Perlu Tahu Untuk Menjadi Pengguna Kewangan Yang Bijak

Bahagian 2



PIDM *MoneySmart* 123

PIDM *MoneySmart* 123 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna kewangan mengenai pelbagai produk dan penyedia perkhidmatan kewangan, risiko yang berkaitan dengan setiap produk dan juga hak-hak mereka sebagai pengguna kewangan. **PIDM *MoneySmart* 123** mengandungi tip-tip yang mudah diikuti yang boleh membantu anda menjadi pengguna kewangan yang bijak. Langkah-langkahnya seperti berikut:

- Langkah 1: Ketahui Produk Kewangan Anda
- **Langkah 2: Ketahui Risiko Kewangan Anda**
- Langkah 3: Ketahui Hak Kewangan Anda

Pada terbitan yang lalu, PIDM telah membincangkan Langkah 1, iaitu Ketahui Produk Kewangan Anda, sebelum melabur atau menyimpan wang anda dalam mana-mana produk kewangan. Bagi terbitan kali ini, PIDM akan membincangkan langkah seterusnya, iaitu Langkah 2: Ketahui Risiko Kewangan Anda.

Langkah 2: Ketahui Risiko Kewangan Anda

Anda seharusnya mengingati beberapa panduan penting apabila membuat keputusan kewangan atau mempertimbangkan sesuatu produk pelaburan.



A. Pastikan Matlamat dan Toleransi Risiko Kewangan Anda

Matlamat kewangan

Anda perlu mempunyai idea yang jelas mengenai keperluan kewangan peribadi anda dan apa yang anda mahukan dalam perancangan kewangan anda. Mulakan dengan menetapkan jangka masa dan matlamat kewangan anda apabila anda mungkin perlu menggunakan wang simpanan anda atau meraih hasil pelaburan.

Toleransi risiko

Kemudian, fikirkan tentang sikap anda terhadap risiko. Risiko merupakan suatu kemungkinan bahawa wang yang anda simpan dalam sesuatu produk kewangan tidak akan memberikan apa-apa hasil yang anda diinginkan. Toleransi risiko ialah keupayaan anda untuk bertahan jika menghadapi penurunan nilai produk kewangan dan pelaburan. Justeru, adalah penting bagi anda untuk memahami risiko yang diambil untuk mencapai matlamat kewangan.

Anda perlu mengetahui matlamat kewangan dan toleransi risiko. Hal ini akan membantu anda mengenal pasti jenis produk kewangan yang sesuai untuk anda. Ia juga membolehkan anda memilih produk yang anda mampu tanpa menjejaskan kebebasan kewangan anda atau menanggung hutang yang tidak diingini.



B. Fahami Risiko

1. Sebelum meletakkan atau menyimpan wang anda dalam mana-mana produk kewangan, anda harus **membaca terma dan syarat** serta fahami sepenuhnya risiko setiap produk atau perkhidmatan kewangan tersebut.



2. **Ketahui maksud konsep asas kewangan** seperti faedah kompaun, pulangan pelaburan, deposit bertempoh dan kematangan.

3. Tumpukan perhatian kepada bahagian `faktor risiko' atau mesej `amaran risiko'. Maklumat ini akan membantu anda menilai dan membuat keputusan sama ada risiko yang terlibat adalah sesuai untuk anda. Sekiranya anda ragu-ragu, sila dapatkan nasihat profesional.

4. Adalah penting untuk memahami sesuatu risiko dan berada pada tahap yang selesa dengannya. Sebagai contoh, apabila melabur, adalah mustahil untuk mengelak daripada semua risiko. Potensi pulangan yang lebih tinggi biasanya mempunyai risiko yang lebih tinggi. Jangan melabur dalam produk kewangan yang membawa risiko yang lebih tinggi daripada yang anda bersedia untuk tanggung.



5. Elakkan daripada meletakkan atau menyimpan semua wang anda dalam satu produk sahaja. Terdapat pelbagai jenis produk kewangan, seperti akaun simpanan dan deposit bank, produk insurans atau takaful, dana unit amanah, saham dan produk pelaburan lain. Kepelbagaian produk kewangan ini menawarkan pilihan yang berbeza untuk memenuhi matlamat kewangan yang berlainan. Agihkan wang pelaburan anda dengan sebaiknya.



6. Anda juga dinasihatkan untuk menyemak sama ada produk kewangan tersebut adalah layak bagi perlindungan kewangan sekiranya berlaku sesuatu musibah. Sebagai contoh, simpanan deposit yang disimpan dengan bank ahli PIDM atau manfaat takaful dan insurans yang dikeluarkan oleh ahli penginsurans PIDM, layak mendapat perlindungan sekiranya institusi ahli tersebut menjadi muflis. Perlindungan PIDM adalah automatik – anda tidak perlu memohon dan membuat sebarang pembayaran untuk perlindungan ini. Layari laman sesawang PIDM untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan ini.



7. Ingatlah pesanan penting ini- `jika ia tampak terlalu bagus untuk menjadi kenyataan, ia mungkin adalah tidak benar'. Tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan kewangan dan gabungan pulangan yang tinggi dengan risiko yang rendah. **Lindungilah diri anda daripada penipuan kewangan dan skim cepat kaya** untuk mengelakkan bencana kewangan.

Nantikan Langkah 3, iaitu Ketahui Hak Kewangan Anda dengan PIDM *Moneysmart* 123 dalam keluaran bulan hadapan.

Sumber: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau layari laman sesawang www.pidm.gov.my

Ruangan Bersama NCCC

Kebaikan dan Kelemahan Pembelian Secara Dalam Talian



Dunia perniagaan sedang mengalami perubahan yang besar dalam menjalankan perniagaan pada masa ini. Hal ini disebabkan oleh kemajuan teknologi terkini dan globalisasi. Jualan barangan dan perkhidmatan melalui laman sesawang tanpa sempadan telah menjadi pusat membeli-belah terbesar di dunia.

Selain daripada kemajuan teknologi, perkembangan penjualan atas talian juga didorong oleh peningkatan secara mendadak dalam penggunaan komputer, '*WiFi*', jalur lebar dan '*Hotspot*'. Ia memudahkan pengguna untuk membeli barangan secara dalam talian.

Lebih ramai pengguna kini beralih kepada pembelian secara dalam talian untuk mendapatkan keperluan mereka. Sebagai contoh, pakaian, kasut, barangan elektrik dan elektronik. Pengguna sekarang semakin selesa dalam memilih untuk membeli produk tanpa perlu berurusan dengan penjual secara bersemuka di kedai. Sama ada ia adalah baik atau tidak, anda boleh meneliti kelebihan dan keburukan membeli belah secara dalam talian seperti perbandingan di bawah.

Walaupun ia kedengaran terlalu baik, pengguna haruslah sedar akan risiko yang boleh dihadapi seperti yang tertera di atas.



Gambar rajah berikut merupakan jenis-jenis aduan yang diterima oleh NCCC tentang e-dagang



Pada tahun 2014 dan 2015, jumlah aduan tertinggi yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna (NCCC) adalah berkaitan dengan pembelian dalam talian. Walaupun terdapat undang-undang sedia ada untuk membantu pengguna, iaitu **Akta Perlindungan Pengguna 1999**, namun ia mungkin sukar untuk dirujuk jika penjual tersebut tidak dapat dihubungi atau penjual tersebut menutup akaun / laman sesawang mereka.

Seperti yang tertera dalam gambar rajah di atas, tiga aduan yang tertinggi adalah berkaitan dengan penghantaran barang, dan diikuti dengan pemulangan wang kembali serta kualiti produk yang tidak sama dengan apa yang dipaparkan di laman sesawang. Walaupun terdapat banyak kebaikan untuk membeli barang secara dalam talian, pengguna hendaklah berhati-hati semasa melakukan pembelian. Berikut adalah beberapa langkah yang perlu diambil oleh pengguna untuk mengelak daripada menjadi mangsa.



Nasihat kepada pengguna

1. Pengguna haruslah memeriksa latar belakang syarikat tersebut terlebih dahulu sebelum membeli. Pengguna boleh merujuk kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2. Pengguna haruslah menyimpan rekod pembelian, sebagai contoh resit / e-mel pengesahan pembelian.

3. Tunai Semasa Serahan. Pengguna hanya perlu membayar apabila sudah menerima barang yang dipesan.

4. Jika mendapat tahu barang tersebut tidak sama seperti yang dipesan ataupun rosak, anda hendaklah menghubungi syarikat tersebut dengan serta merta dan jika aduan tersebut tidak diendahkan, anda boleh mendapatkan khidmat NCCC ataupun membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna yang terdekat.

5. Jika harga yang ditawarkan terlalu murah, berhenti berkomunikasi dengan penjual. Ada kemungkinan penjual tersebut tidak mempunyai barangan tersebut atau beliau sedang cuba menjual koleksi palsu kepada anda. Anda perlu tahu tentang harga pasaran terkini koleksi yang anda ingin beli.

6. Jika gambar barang yang ditunjukkan tidak jelas dan kecil, minta penjual untuk e-melkan gambar barang yang lebih jelas dan memuaskan hati anda. Jangan malu untuk bertanya soalan yang lazim sebelum membuat keputusan untuk membeli.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil

SDRS

SDRS
MENYEDIAKAN

Bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdaya maju yang menghadapi masalah pembayaran pembiayaan perniagaan dengan institusi kewangan melalui proses penyusunan atau penjadualan semula pembiayaan perniagaan tersebut.

Menyokong PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan



- Menstabilkan aliran tunai perniagaan.
- Menyediakan ruang kepada PKS untuk melaksanakan pelan pemulihan perniagaan.

Senario 1



- Peminjam menghadapi masalah aliran tunai perniagaan.
- Mengalami kesukaran untuk memenuhi obligasi kewangan dengan pihak bank.
- Perbincangan dengan pihak bank untuk memulihkan semula pembiayaan sedia ada gagal mencapai jalan penyelesaian.

Senario 2



- Syarikat berjaya mendapat kontrak atau projek daripada Kerajaan/agensi atau syarikat swasta/awam yang bereputasi baik.
- Memerlukan modal kerja tambahan.
- Permohonan kemudahan pembiayaan telah ditolak oleh institusi kewangan kerana syarikat mempunyai masalah pembiayaan tertunggak sedia ada.
- Perlu memulihkan semula perniagaan dan membayar balik pembiayaan.

Siapakah yang Layak Memohon?



1. Syarikat milik warganegara Malaysia (sekurang-kurangnya 51% pegangan saham) dalam semua sektor.
2. Memenuhi kriteria definisi PKS:
   - Jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang; atau
   - Nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta.



3. PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan berikutan pembiayaan daripada institusi kewangan.
4. Pembiayaan berkaitan dengan perniagaan sahaja.
5. Perniagaan masih beroperasi.

Proses Permohonan

1. Hantarkan borang permohonan SDRS yang lengkap kepada IKP atau BNMLINK / Pejabat Wilayah BNM / Cawangan
2. Sekretariat SDRS BNM akan menghubungi pemohon
3. Penilaian permohonan oleh IKP

Jika permohonan diluluskan oleh IKP	Jika permohonan ditolak oleh IKP
IKP dan peminjam akan melaksanakan terma pinjaman yang baharu	Sekretariat SDRS BNM akan membuat penilaian bebas ke atas permohonan

Bagaimana Untuk Memohon?

Borang permohonan SDRS boleh diperoleh dari:

- Institusi Kewangan Peserta (IKP)
- BNMLINK / Pejabat Wilayah BNM / Cawangan
- Laman sesawang www.smeinfo.com.my

Perkhidmatan yang ditawarkan di bawah SDRS adalah PERCUMA



Institusi Kewangan Peserta (IKP)

- Semua bank perdagangan
- Bank-bank Islam
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Bank Simpanan Nasional (BSN)

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Layari SMEinfo portal
http://www.smeinfo.com.my

Hubungi BNMTELELINK
1-300-88-5465

Faksimili: 03-2174 1515 atau
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play